

U B294 AAB
EMBARGO: UNTUK BIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 24 OKT.

MAHATHIR - BANK

KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN BARISAN NASIONAL AKAN TERUS MENTADBIRKAN NEGARA INI DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB DAN BERWIBAWA UNTUK MENENTUKAN NEGARA TERUS AMAN, STABIL DAN MAKMUR, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MAJLIS ULANGTAHUN KE-25 PENUBUHAN BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD DI SINI, BELIAU BERKATA, BARISAN NASIONAL (BN) MEMANG MEMERLUKAN MANDAT YANG KUKUH UNTUK MELAKSANAKAN BERBAGAI-BAGAI RANCANGAN UNTUK MEMESATKAN LAGI PEMBANGUNAN SERTA KESEJAHTERAAN RAKYAT.

SATU DARIPADANYA IALAH MEWUJUDKAN SEBUAH PUSAT KEWANGAN YANG KUKUH LAGI CANGGIH DI KUALA LUMPUR DAN KERAJAAN SEMEMANGNYA SEDAR BAHAWA USAHA UNTUK MEWUJUDKAN PUSAT SEDEMIKIAN MEMERLUKAN MASA YANG PANJANG DAN SEMUA KOMPONEN SEKTOR KEWANGAN HENDAKLAH DIMAJUKAN SETAPAK DEMI SETAPAK.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA JUGA MEMERLUKAN SEBUAH PASARAN MODAL YANG BERDAYA MAJU DAN DENGAN ADANYA BURSA SAHAM KUALA LUMPUR SERTA PASARAN SEKURITI KERAJAAN, PASARAN MODAL NEGARA INI BOLEH DIMAJUKAN LAGI UNTUK MENJADIKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI SEBUAH PUSAT KEWANGAN YANG KUKUH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DENGAN WUJUDNYA SEBUAH KERAJAAN YANG TERUS KUKUH, POLITIK YANG TIDAK SIHAT TIDAK AKAN DAPAT MENGANGGU PROSES PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN SEPERTI YANG BERLAKU KEPADA BANYAK NEGARA YANG LEMAH PEMERINTAHANNYA. -- LAGI.
2017MST 24 10 90

U. B295 AAB
MAHATHIR - BANK 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN AKAN BERUSAHA SUPAYA KUALA LUMPUR DAPAT MENARIK PARA USAHAWAN DARI NEGARA-NEGARA ASING YANG SEDANG MENIMBANGKAN UNTUK MEMINDAHKAN PUSAT OPERASI MEREKA KE NEGARA-NEGARA LAIN.

SEHUBUNGAN DENGAN INI, KERAJAAN BERHARAP PIHAK PENGURUSAN DAN KAKITANGAN BANK BUMIPUTRA AKAN MENYEDARI BETAPA PENTINGNYA MEREKA MEMASTIKAN BANK ITU TERUS MAJU DAN KUKUH, KATANYA.

+ASAS PEMULIHAN BANK INI SETELAH IA MENGALAMI PERISTIWA PENYELEWENGAN BMF, SUDAH PUN MENUNJUKKAN KESAN YANG BAIK. MARILAH KITA BERTEKAD UNTUK MENGHARUMKAN SEMULA NAMA BANK BUMIPUTRA DENGAN KEUPAYAAN YANG MAKSIMUM DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA PARA PELANGGGAN KHUSUSNYA KEPADA BUMIPUTERA+, KATANYA.

BELIAU MENGINGATKAN SEMUA PIHAK BAHAWA BANK ITU DITUBUHKAN UNTUK MENGATASI MASALAH KEWANGAN BUMIPUTERA DAN PERTUMBUHANNYA SEHINGGA PADA SATU MASA MENJADI BANK TEMPATAN YANG TERBESAR ADALAH PERKARA YANG KEDUA.

PENYIMPANGAN BANK BUMIPUTRA DARIPADA MATLAMAT INI OLEH PENGARAH, PENGURUSAN DAN ORANG-ORANG TERTENTU PADA MASA DULU MERUPAKAN PUNCA BERLAKUNYA SKANDAL BMF. -- LAGI.
2019MST 24 10 90

U B296 AAB
MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA, DALAM USAHA MEMAJUKAN MASYARAKAT BUMIPUTERA, BANK BUMIPUTRA HENDAKLAH MENGAJAI PENDEKATAN SUPAYA BUMIPUTERA LEBIH FAHAM AKAN KEMUDAHAN YANG BOLEH DIBERI OLEH BANK ITU.

KATANYA, BANK ITU JUGA HARUS ADA UNIT-UNIT YANG MEMBERI PENJELASAN KEPADA GOLONGAN BUMIPUTERA TERTENTU SUPAYA MEREKA LEBIH MEMAHAMI BAGAIMANA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN BANK ITU.

CAWANGAN-CAWANGAN BANK ITU HENDAKLAH DITUBUHKAN DENGAN MELUASNYA DI KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR DAN DI SAMPING ITU, SISTEM PENGAWASAN SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN, DARI ATAS SEHINGGA KE BAWAH HENDAKLAH DIPERKUKUHKAN.

ETIKA BANK JUGA HENDAKLAH DIPERLUASKAN BUKAN SAHAJA DI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN TETAPI JUGA DI KALANGAN PELANGGAN DAN ADA BUKTI YANG MENUNJUKKAN BAHAWA SEBAHAGIAN DARIPADA MASYARAKAT DI MALAYSIA TIDAK MEMANDANG BERAT TERHADAP MENEPATI JANJI BILA BERHUTANG. -- BERNAMA.
2021MST 24 10 90